BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Jun 2020

Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil iaitu -1.9% pada bulan Jun



[1] *Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Perubahan dalam inflasi keseluruhan (Mei: -2.9%) sebahagian besarnya didorong oleh harga runcit bahan api domestik yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Risiko deflasi kekal terkawal. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, meningkat sedikit kepada 1.2% (Mei: 1.1%).
- Bahagian barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lebih besar mencatatkan kenaikan harga pada asas bulanan (Jun: 44%; Mei: 36%; Purata 2010-2018: 46%). Hal ini menandakan tekanan harga kembali ke tahap yang lebih wajar.

Eksport meningkat semula pada bulan Jun



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport kembali meningkat sebanyak 8.8% pada bulan Jun (Mei: -25.5%) disokong oleh eksport perkilangan yang lebih tinggi, terutamanya produk E&E dan produk bukan berasaskan sumber seperti kelengkapan optik & saintifik serta jentera, kelengkapan & alat ganti.
- Susulan paras terendah yang dicatatkan pada bulan Mei 2020, eksport dijangka beransur-ansur meningkat pada separuh kedua tahun 2020. Hal ini kerana permintaan luaran yang bertambah baik berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan di kebanyakan negara.

Pertumbuhan pinjaman lebih tinggi pada bulan Jun disokong oleh pinjaman isi rumah



[1] *Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)].*

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Jumlah pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.1% pada bulan Jun (Mei: 3.9%), disokong oleh pinjaman isi rumah terkumpul yang lebih tinggi. Pertumbuhan bon korporat terkumpul juga meningkat kepada 2.5% (Mei: 1.9%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah yang lebih tinggi (Jun: 3.5%, Mei: 3.2%) disumbangkan terutamanya oleh pinjaman perumahan dan sekuriti dalam keadaan pengeluaran yang lebih tinggi.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 4.2% (Mei: 4.5%) berikutan pembayaran balik berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan pengeluaran. Yang penting, pengeluaran telah kembali ke paras wajar daripada paras yang rendah pada bulan April and Mei, dengan pengeluaran yang tinggi untuk keperluan modal kerja.

Sorotan Bulanan
Jun 2020

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Jun



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan domestik mencatatkan prestasi bercampur-campur pada bulan Jun. Aliran masuk portfolio bukan pemastautin berjumlah USD2.0 bilion, terutamanya ke dalam pasaran bon. Hal ini menyebabkan ringgit menambah nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan dolar AS.
- Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sedikit sebanyak 6 mata asas, disebabkan terutamanya oleh faktor luaran. Pada awal bulan itu, kadar hasil MGS meningkat sejajar dengan pasaran bon serantau. Hal ini mencerminkan kadar hasil Perbendaharaan AS yang lebih tinggi susulan data pekerjaan AS yang lebih baik daripada jangkaan, yang menyebabkan pelabur mengalihkan dana daripada aset selamat global. Walau bagaimanapun, kadar hasil MGS disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin.
- FBM KLCI terus menunjukkan trend menaik pada bulan Jun, meningkat sebanyak 1.9% pada bulan itu. Peningkatan didorong terutamanya oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik.

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi dalam keadaan pendanaan yang stabil

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah perlindungan mudah tunai (*liquidity coverage ratio*, LCR) sistem perbankan meningkat kepada 149.2%[1] (Mei-20: 140.2%) dalam keadaan pendanaan borong beralih kepada deposit.
- Oleh itu, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing kekal stabil pada 82.1% dan 71.5%.

[1] Mulai 25 Mac 2020, institusi perbankan boleh beroperasi di bawah keperluan minimum sebanyak 100% untuk sementara waktu.

Nisbah pinjaman terjejas terus berada pada paras rendah

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah pinjaman terjejas bersih masing-masing bertambah baik sedikit kepada 1.5% dan 0.9%, (Mei-20: masing-masing 1.6% dan 1%) kerana beberapa pinjaman terjejas telah menjadi pinjaman berbayar pada bulan itu.
- Bank-bank terus membuat peruntukan berasingan secara beransur-ansur sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya menghadapi kerugian kredit pada masa hadapan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 07/20/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 30 Julai 2020

SOROTAN BULANAN – JUN 2020

Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil iaitu -1.9% pada bulan Jun

- Perubahan dalam inflasi keseluruhan (Mei: -2.9%) sebahagian besarnya didorong oleh harga runcit bahan api domestik yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Risiko deflasi kekal terkawal. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, meningkat sedikit kepada 1.2% (Mei: 1.1%).
- Bahagian barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lebih besar mencatatkan kenaikan harga pada asas bulanan (Jun: 44%; Mei: 36%; Purata 2010-2018: 46%). Hal ini menandakan tekanan harga kembali ke tahap yang lebih wajar.

Eksport meningkat semula pada bulan Jun

- Eksport kembali meningkat sebanyak 8.8% pada bulan Jun (Mei: -25.5%) disokong oleh eksport perkilangan yang lebih tinggi, terutamanya produk E&E dan produk bukan berasaskan sumber seperti kelengkapan optik & saintifik serta jentera, kelengkapan & alat ganti.
- Susulan paras terendah yang dicatatkan pada bulan Mei 2020, eksport dijangka beransur-ansur meningkat pada separuh kedua tahun 2020. Hal ini kerana permintaan luaran yang bertambah baik berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan di kebanyakan negara.

Pertumbuhan pinjaman lebih tinggi pada bulan Jun disokong oleh pinjaman isi rumah

- Jumlah pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.1% pada bulan Jun (Mei: 3.9%), disokong oleh pinjaman isi rumah terkumpul yang lebih tinggi. Pertumbuhan bon korporat terkumpul juga meningkat kepada 2.5% (Mei: 1.9%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah yang lebih tinggi (Jun: 3.5%, Mei: 3.2%) disumbangkan terutamanya oleh pinjaman perumahan dan sekuriti dalam keadaan pengeluaran yang lebih tinggi.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 4.2% (Mei: 4.5%) berikutan pembayaran balik berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan pengeluaran. Yang penting, pengeluaran telah kembali ke paras wajar daripada paras yang rendah pada bulan April and Mei, dengan pengeluaran yang tinggi untuk keperluan modal kerja.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Pasaran kewangan domestik mencatatkan prestasi bercampur-campur pada bulan Jun. Aliran masuk portfolio bukan pemastautin berjumlah USD2.0 bilion, terutamanya ke dalam pasaran bon. Hal ini menyebabkan ringgit menambah nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan dolar AS.
- Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sedikit sebanyak 6 mata asas, disebabkan terutamanya oleh faktor luaran. Pada awal bulan itu, kadar hasil MGS meningkat sejajar dengan pasaran bon serantau. Hal ini mencerminkan kadar hasil Perbendaharaan AS yang lebih tinggi susulan data pekerjaan AS yang lebih baik daripada jangkaan, yang menyebabkan pelabur mengalihkan dana daripada aset selamat global. Walau bagaimanapun, kadar hasil MGS disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin.
- FBM KLCI terus menunjukkan trend menaik pada bulan Jun, meningkat sebanyak 1.9% pada bulan itu. Peningkatan didorong

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

terutamanya oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik.

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi dalam keadaan pendanaan yang stabil

- Nisbah perlindungan mudah tunai (liquidity coverage ratio, LCR) sistem perbankan meningkat kepada 149.2%[1] (Mei-20: 140.2%) dalam keadaan pendanaan borong beralih kepada deposit.
- Oleh itu, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing kekal stabil pada 82.1% dan 71.5%.

Nisbah pinjaman terjejas terus berada pada paras rendah

- Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah pinjaman terjejas bersih masing-masing bertambah baik sedikit kepada 1.5% dan 0.9%, (Mei-20: masing-masing 1.6% dan 1%) kerana beberapa pinjaman terjejas telah menjadi pinjaman berbayar pada bulan itu.
- Bank-bank terus membuat peruntukan berasingan secara beransur-ansur sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya menghadapi kerugian kredit pada masa hadapan.

Bank Negara Malaysia
30 Julai 2020

[1] Mulai 25 Mac 2020, institusi perbankan boleh beroperasi di bawah keperluan minimum sebanyak 100% untuk sementara waktu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my